



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU
JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat atau pemborong yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** (Penyewaan Dan Pengurusan Ruang Niaga) Kod **221506** dan tajuk masih sah serta dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja perkhidmatan berikut :-

1	MBKT SH151/2023	Perkhidmatan Pengurusan Bazar Ramadan Di Tempat Letak Kereta Shahbandar (TLK) Hadapan Skrin Besar, Kuala Terengganu Bagi Tahun 2024@ 1445H.	
2	MBKT SH158/2023	Perkhidmatan Pengurusan Bazar Ramadan Di Tempat Letak Kereta Shahbandar (TLK) Hadapan Restoran Perahu/ Mara Kuala Terengganu Bagi Tahun 2024@ 1445H.	Taklimat : 17 Disember 2023 (Ahad) * DIWAJIBKAN
3	MBKT SH159/2023	Perkhidmatan Pengurusan Karnival Jualan Ramadan Di Dataran Shahbandar, Kuala Terengganu Bagi Tahun 2024@ 1445H.	Jam : 10.00 pagi Tempat : Tingkat 6, (Bilik Mesyuarat Cempaka) Menara MBKT.
4	MBKT SH160/2023	Perkhidmatan Pengurusan Karnival Jualan Ramadan Di Stesen Teksi Tanjung, Kuala Terengganu Bagi Tahun 2024@ 1445H.	• Hanya <i>penama</i> yang <i>tercatat pada Sijil KKM</i> sahaja dibenarkan hadir dan daftar kehadiran.

1. Dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat **di Kaunter Setempat Tingkat Bawah Menara MBKT**, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dengan harga **RM 20/= senaskah**. Untuk maksud ini Penyebut harga hendaklah membawa bersama-sama Sijil Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan Malaysia dan **salinannya** hendaklah dibawa bersama semasa membeli **Dokumen Sebutharga**.
2. Satu salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan Rekod Pengalaman Kerja (Perkhidmatan) dalam bidang berkaitan hendaklah dikembalikan bersama sebutharga di dalam sampul surat dan dihantar ke alamat:

DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA
KUALA TERENGGANU.

dengan menulis disebelah luar “ **No. Sebutharga seperti contoh MBKT SH 151/2023** ” dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan , Tingkat 18, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada **27 Disember 2023 (Rabu)**.

3. **Taklimat** adalah **diwajibkan** sebagaimana tarikh dan masa yang tercatat di atas. Penyebut harga dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia. Hanya penama-penama yang tercatat pada Sijil Pendaftaran Kewangan Malaysia sahaja dibenarkan untuk hadir dan daftar kehadiran. Penyebut harga atau syarikat yang tidak hadir pada sesi taklimat tidak layak mendapatkan atau membeli dokumen sebutharga ini.
4. Majlis adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang tertinggi sekali ataupun mana-mana tawaran.
5. Sebutharga ini akan dijual mulai **19 Disember 2023 (Selasa) hingga 26 Disember 2023 (Selasa)** pada waktu pejabat sahaja.
6. Syarikat yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas sebutharga disetujui atau menarik balik sebutharga selepas keputusan dibuat maka lesen pemborong atau syarikat akan disyorkan untuk disenarai hitamkan kepada pihak berwajib.

t.t

(ROSLI BIN LATIF)

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.